



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**17 Oktober 2023**

### **MENARA KOMUNIKASI BERHAMPIRAN KAMPUNG SUNGKUP, KEDAH DICEROBOH**

Hampir 600 penduduk Kampung Sungkup, Kedah berhadapan dengan masalah liputan telekomunikasi selepas menara yang disediakan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) berhampiran kampung mereka diceroboh.

Kejadian tersebut telah dilaporkan oleh penduduk kampung kepada Pejabat MCMC Negeri Kedah pada Ahad, 15 Oktober 2023 apabila mendapat terdapat kesan vandalisme termasuk kabel dipotong dan peralatan dicuri.

Pejabat MCMC Negeri Kedah pada hari sama telah bergegas ke lokasi kejadian untuk membuat tinjauan bersama pihak penyedia perkhidmatan yang dilantik menguruskan menara berkenaan. Laporan polis turut dibuat oleh pihak penyedia perkhidmatan. MCMC ketika ini sedang mempertimbangkan beberapa langkah untuk memulihkan kembali perkhidmatan telekomunikasi di sekitar Kampung Sungkup.

Menara telekomunikasi tersebut menyediakan perkhidmatan telekomunikasi Celcom, Digi, Maxis dan U Mobile melalui kaedah perkongsian 4G MOCN (Rangkaian Teras Operator Berbilang). Perbuatan khianat yang dilakukan itu telah menyebabkan perkhidmatan kesemua rangkaian tersebut tidak dapat beroperasi.

Orang awam dimohon untuk segera melaporkan kepada pihak polis sekiranya mempunyai sebarang maklumat atau melihat sebarang aktiviti mencurigakan berhampiran tapak infrastruktur telekomunikasi.

Perbuatan merosakkan kemudahan telekomunikasi boleh didakwa dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda RM300,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya di bawah Seksyen 235, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

MCMC pada masa sama akan turut meningkatkan kerjasama dengan penduduk, pihak polis dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencegah sebarang cubaan menceroboh menara telekomunikasi.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV